

Pengaruh Didikan Keluarga Di Rumah Dalam Kalangan Penagih Dadah: Kajian di *Cure & Care Vocational Centre* Sepang

The Influence of Family Education at Home Among Drug Addicts: A Study At The Cure & Care Vocational Centre Sepang

Suhaizam binti Sulaiman¹ & A'dawiyah binti Hj. Ismail²

ABSTRAK

Hari Antidadah Kebangsaan yang disambut pada setiap 19 Februari saban tahun sering menampilkan tema yang berbeza bagi memberi fokus terhadap isu gejala sosial penyalahgunaan dadah yang merupakan musuh nombor satu negara sejak sekian lama. Bertemakan "Pencegahan dadah bermula di rumah" bagi tahun 2017 yang melibatkan ibu bapa dan masyarakat sebagai agen pencegahan dadah yang proaktif. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengetahui tahap didikan keluarga yang pernah diterima oleh penagih dadah di Cure & Care Vocational Centre (CCVC) Sepang, Selangor. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 31 orang klien yang terdiri daripada penagih dadah lelaki telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Data-data dianalisis melalui perisian komputer SPSS versi 22.0 yang menggunakan statistik deskriptif. Hasil tinjauan awal mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap didikan keluarga terhadap penagih dadah berada pada tahap sederhana. Manakala, kajian mendapati bahawa tahap sederhana pada nilai min menunjukkan wujudnya beberapa kelemahan di dalam proses pendidikan yang dialami oleh mereka sehingga terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Kesimpulannya, beberapa implikasi kajian turut dibincangkan dalam kertas kerja ini dalam mengkaji pengaruh didikan keluarga dalam usaha menjalankan pencegahan dadah bermula daripada rumah masing-masing.

Kata kunci : Didikan, Pengaruh keluarga, penagih dadah

ABSTRACTS

The national anti-drugs day is held on February 19th every year features different themes that focus on social drug abuse which has been number one enemy in the country for a long time. The 2017 theme's "Drug Prevention Begins at Home" involves parents and the community as proactive agents of drug prevention. In this regard, this article aims to find out the level of home family education received by drug addicts at Cure & Care Vocational Centre (CCVC) Sepang, Selangor. This study is in quantitative using the questionnaire as an instrument. A total of 31 clients consisting of male drug addicts were chosen by simple random sampling as study subjects. The data is analysed through SPSS version 22.0 using descriptive statistics. Preliminary findings found that the level of home family education against drug addictions are at a moderate level. Meanwhile, the study found that the mean value at the medium level

¹Suhaizam binti Sulaiman, Pelajar Jabatan Pengajian Sarjana Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), suhaizamjakim@gmail.com

² A'dawiyah binti Hj. Ismail, Dr, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ada@ukm.edu.my

shows the existence of weaknesses in the educational process experienced making them trapped with drug abuse. In conclusion, some of the implications of the study discussed to review/examine is the influence of home family education in carrying out drug prevention started in their homes.

Keywords: *Education, Family Influence, drug addicts.*

Pendahuluan

Secara umumnya, semua manusia berhajat kepada institusi kekeluargaan tidak kira apa jua agama, bangsa dan keturunan yang berbeza tetapi masih tertakluk kepada asas dan konsep yang sama. Keluarga merupakan wadah atau medan manusia menjalani kehidupan secara normal, saling melengkapi di antara satu sama lain dalam ikatan kekeluargaan dan beraktiviti bersama-sama dengan penuh kasih sayang sehingga ke akhir hayat. Tanpa ahli keluarga yang lain, hidup manusia pasti hambar akibat kekosongan jiwa tanpa belaian kasih sayang, perhatian dan kehidupan tersebut tidak bererti dan bermakna.

Justeru, agama Islam merupakan satu-satunya agama yang praktikal, syumul dengan menitik beratkan syariat dan tatacara dalam setiap fasa kehidupan manusia di dunia ini terutamanya berkaitan isu-isu kekeluargaan. Kehidupan berkeluarga yang patuh kepada agama dengan mematuhi syariat Islam menjadikan tatacara kehidupan manusia itu lebih jelas, fokus, lengkap dan komprehensif. Pendidikan atau *tarbiah* terhadap anak-anak mestilah menepati roh Islam secara menyeluruh bagi menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Ianya perlulah dirancang, disusun dan diteliti untuk dicapai dengan hasil yang terbaik demi melahirkan insan kamil di dunia dan akhirat. Semua ini bukannya satu perkara yang mudah untuk direalisasikan tanpa didikan dan bimbingan daripada ibu bapa yang betul-betul memahami konsep pendidikan yang sepatutnya diterima oleh anak-anak tersebut. Menurut Muhammad Hassan Brigash dalam kitabnya bertajuk *adab al atfal tarbiyah wa masuliyah* (1992) Perkara-perkara yang perlu dititik beratkan dalam pendidikan anak-anak ialah pengukuhan akidah, pembudayaan al-Quran dan tafsir, hadis, adab-adab Islam dan sebagainya.

Menurut Kamarul Jasni & Siti Fauziyani (2007) satu kajian telah dibuat oleh Norinah Kinan pada tahun 2004 terhadap sekumpulan pelajar IPT mendapati mahasiswa yang pernah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) adalah golongan yang istiqamah dan paling tinggi mengamalkan adab dan sunah rasulullah SAW dalam kehidupan harian. Keadaan ini berbeza dengan mereka yang mendapat pendidikan biasa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mereka tidak melakukannya secara berterusan dan tidak berupaya mendisiplinkan diri terhadap sunah Rasulullah SAW apabila meningkat dewasa. Menurut pengkaji ini lagi, kehidupan dan tatacara seseorang apabila dewasa merupakan cerminan daripada hasil pendidikan yang diterima oleh anak-anak semasa kecil. Anak-anak yang beretika, beradab sopan dan berdisiplin datangnya dari kelompok yang terdedah dengan pendidikan yang berteraskan nilai Islam berbanding mereka yang suka melanggar peraturan, kasar dan tidak beretika adalah terbiasa dengan persekitaran tersebut. Oleh sebab itu, Islam menitikberatkan pendidikan anak-anak berumur antara 7-15 tahun dengan penekanan terhadap akidah dengan mengenal Allah, amalan ibadah seperti solat, puasa dan membaca al-Quran serta akhlak seperti sopan santun, tawaduk dan sebagainya.

Selain itu, Muhammad Abdul Kadir Alcaff (2004) memetik pandangan imam Khomeini yang menyatakan bahawa bentuk pendidikan anak-anak oleh ibu bapa akan memberi pengaruh kesan yang sangat besar terhadap anak-anak dalam sesebuah keluarga.


Hasil ataupun natijah didikan ibu bapa terutamanya daripada seorang ibu yang memiliki sifat yang istimewa dengan anak-anak sangat memberi kesan berbanding seorang bapa. Sekiranya anak-anak dididik dengan pendidikan Islam yang baik maka baiklah anak tersebut pada pengakhirannya, begitulah sebaliknya jika didikan tersebut menyimpang daripada tujuan asal maka anak tersebut berakhir kehidupannya dalam keadaan menyimpang.

Dalam hal ini, imam al-Ghazali (2003) berpandangan pendidikan terhadap anak-anak diperkenalkan bermula dengan perkara-perkara asas fardu ain dalam agama yang menekankan aspek akidah, ibadah dan akhlak. Konsep keimanan terlebih dahulu diperkenalkan diikuti pengamalan ibadah, akhlak dan kandungan al-Quran bertujuan menjadi insan yang kamil dengan pelaksanaan yang wajib yang haram ditinggalkan bermatlamat untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Selain itu dilihat pengaruh ibu- bapa sebagai penentuan kecenderungan tingkah laku anak-anak sama ada ke arah kebaikan atau keburukan. Selain itu, Abu A' isy (2011) turut menyatakan imam al-Syafie berpendapat pendidikan adalah satu kewajipan yang terpikul pada ibu bapa ketika anak menginjak usia baligh. Tanggungjawab tersebut termasuklah mengajarkan cara-cara untuk bersuci, menunaikan solat 5 waktu, puasa dan kewajipan agama yang lain untuk menyempurnakan agama. Semua perkara ini adalah pendidikan yang sempurna bertujuan untuk menjaga diri sendiri dan anak-agar terselamat daripada api neraka.

Menyedari kepentingan ini, “pencegahan dadah bermula di rumah” dijadikan tema bagi tahun 2017 bertujuan menyasarkan ibu bapa dan ahli keluarga terdekat sebagai agen perubahan paling berpengaruh dalam menangani isu yang kompleks ini. Sejalan dengan ini, Abd. Halim (2017) selaku Ketua Pengarah AADK menyarankan pendapat dalam satu temu bual yang dimuatkan dalam Jurnal Wawancara Minggu akhbar Kosmo, kewajaran ibu bapa untuk melibatkan diri secara langsung dalam dunia kehidupan anak-anak bermula sedari awal. Penglibatan tersebut adalah dengan mengawasi pergerakan dan keberadaan anak-anak termasuklah menggalakkan aktiviti-aktiviti keagamaan untuk membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak ke arah yang lebih baik. Dengan kata lain, pengkaji berpendapat amalan-amalan agama dititikberatkan dan diberi perhatian dalam pembinaan keluarga khususnya pendidikan anak-anak yang bebas dadah. Rumah merupakan ‘dunia’ atau tempat anak-anak membesar, mendapat kasih sayang, perlindungan, perhatian dan yang paling penting menerima pendidikan awal daripada ibu bapa atau ahli keluarga sebelum anak tersebut melangkah keluar bergaul dengan individu yang lain di institusi berbeza seperti sekolah dan sebagainya.

Di samping itu, AADK telah menambah baik usaha sedia ada dengan pendekatan *National Blue Ocean Strategies* (NBOS) atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang mana lebih tertumpu pada kawasan-kawasan berisiko di seluruh negara termasuklah terhadap 3.01 juta keluarga di Malaysia. (Rujuk gambar rajah 1). Menurut Abd. Halim Mohd Hussin & Muhammad Muzafar Shah Mohd Razali (2010) program pencegahan merupakan satu-satunya pendekatan yang paling berkesan dalam menangani masalah dadah yang berleluasa. Justeru, NADA (National Institute on Drug Abuse) telah menyenaraikan sebanyak 16 prinsip pencegahan pada tahun 2003 yang perlu dijadikan fokus dalam merencanakan program berkaitan masalah dadah. Prinsip yang ke-5 dan ke-6 adalah menjalankan program pencegahan berlandaskan keluarga dengan meningkatkan ikatan kekeluargaan & kemahiran keibubapaan dan program pencegahan untuk komuniti adalah gabungan program yang melibatkan keluarga dan sekolah. Satu kajian oleh

Gambar rajah 1: Kawasan Berisiko Fokus NBOS oleh AADK



Sumber: **dipetik dan diubahsuai** dari
The International Drug Prevention and Rehabilitation
Conference (PREVENT 2016)

Persoalannya, adakah wujudnya pengaruh didikan agama oleh ibu bapa atau ahli keluarga terdekat dalam pembinaan akidah, ibadah dan akhlak anak-anak semasa mereka dibesarkan dalam keluarga menjadi penyebab mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah? Oleh itu, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji tahap didikan keluarga dalam kalangan penagih dadah lelaki di CCVC, Sepang bagi mencari jawapan tersebut.

Kesimpulannya, anak-anak adalah pengikat kasih sayang dan anugerah Allah yang tidak ternilai terhadap ibu bapa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Kahfi ayat 46: 15 yang bermaksud “Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhan mu sebagai pahala balasan dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan”. Justeru, menggalas tanggungjawab dan amanah untuk membesarkannya bukan sekadar memenuhi keperluan asas seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Akan tetapi ‘amanah’ ini perlu dibentuk dan diberi pendidikan terbaik untuk menjadikannya manusia yang soleh dan taat terhadap perintah Allah hasil didikan ibu bapa. Kesemua ini telah dijanjikan ganjaran yang setimpal terhadap segala susah payah, kesabaran dan ketekunan dalam menyempurnakan tanggungjawab ini oleh Allah SWT di akhirat kelak. Kebanyakan ibu bapa sering terlepas pandang banyak perkara yang diajari dalam Islam dan gagal mengambil manfaat, hikmah dan teladan cara didikan Nabi Muhammad SAW. Kesudahannya apabila anak-anak terjebak dengan pelbagai gejala sosial khususnya penyalahgunaan dadah, barulah segala kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku dalam fasa pendidikan anak-anak mula dirasakan. Keadaan ini mungkin disebabkan beberapa faktor antaranya kurang pengetahuan berkaitan ilmu keibubapaan dan gagal menitik beratkan aspek ibadah, ibadah dan akhlak terhadap anak-anak sejak daripada mereka kecil.

Metodologi kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik berbentuk tertutup berskala Likert. Mengandungi empat skala iaitu 4, sangat benar dengan diri saya 3, benar dengan diri saya 2, tidak benar dengan diri saya dan 1 sangat tidak benar dengan diri saya. Borang soal selidik ini diedarkan kepada 31 orang penagih dadah lelaki yang ditahan di bawah seksyen 6 (1) (a) di *Cure, Care Vocational Centre (CCVC)* di Sepang Selangor. Kajian ini adalah kajian rintis yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel dalam kajian ini. Mereka yang ditahan adalah mereka yang telah disabitkan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 Pindaan 2004. Klien diperintahkan menjalani hukuman di Pusat Pemulihan selama 2 tahun.

Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Program Pengisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22.0. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Sementara itu, nilai interpretasi min adalah seperti di jadual 1 berikut:

Jadual 1: Jadual interpretasi skor min terhadap tahap pengaruh didikan keluarga Penagih dadah lelaki yang sedang menjalani program pemulihan di CCVC.

Skor min	Interpretasi skor min
< .2.0	Tahap Rendah
2.01-3.00	Tahap Sederhana
3.00-4.00	Tahap Tinggi

Sumber: Fauziah Ibrahim et. al (2014).

Dapatan Kajian

Bahagian ini bertujuan mengkaji pengaruh didikan keluarga terhadap pengamalan ajaran Islam melalui pembinaan akidah, ibadah dan akhlak anak-anak semasa responden ini dibesarkan dan menerima didikan daripada ibu bapa mahu pun ahli keluarga. Oleh itu terdapat 6 item soalan dibentuk berdasarkan pembinaan akidah, 10 item soalan daripada aspek ibadah dan 13 item soalan daripada pembinaan akhlak anak-anak. Secara keseluruhannya menunjukkan ia berada di tahap yang **sederhana**. Ini dapat dilihat berdasarkan nilai min keseluruhan dalam jadual ini iaitu sebanyak 2.79.

Jadual 2: Pengaruh Didikan Keluarga Terhadap Penagih Dadah

No.	Pernyataan	Peratusan (N29)				MIN	SP	Tahap
		STB 1	TB 2	B 3	SB 4			
PEMBINAAN AKIDAH ANAK-ANAK								
1	Ibu bapa/ keluarga sering ingatkan saya sejak kecil agar cintakan Allah dengan sentiasa memohon pertolongan dengan Nya.	9.7%		67.7%	22.6%	3.13	56\	Tinggi
2	Ibu bapa/ keluarga selalu ingatkan saya semasa kecil	3.2%	25.8%	45.2%	25.8%	2.94	0.81	Sederhana

	agar sentiasa berkelakuan baik kerana malaikat ada mengawasi saya setiap masa.							
3	Ibu bapa/ keluarga mengajar atau menghantar untuk mengenal huruf al-Quran sejak saya kecil.		9.7%	58.1%	32.3%	3.23	0.62	Tinggi
4	Ibu bapa/ keluarga sering bercerita tentang Nabi Muhammad SAW untuk saya mencontohi Baginda sejak saya kecil.		29%	58.1%	12.9%	2.84	0.64	Sederhana
5	Ibu bapa/ keluarga sering ingatkan saya sejak kecil bahawa semua kejadian yang berlaku adalah ketentuan daripada Allah.	6.5%	32.3%	48.4%	12.9%	2.68	0.79	Sederhana
6	Ibu bapa/ keluarga sering mengingatkan saya sejak kecil agar sentiasa berkelakuan baik kerana adanya hari pembalasan terhadap semua perbuatan baik dan buruk.	3.2%	25.8%	48.4%	22.6%	2.90	0.79	Sederhana
	JUMLAH					2.95	0.53	Sederhana

JADUAL 3 : PEMBINAAN IBADAH ANAK-ANAK

1	Ibu bapa/ keluarga pernah memberitahu yang saya telah di azan dan diiqamatkan semasa lahir.	3.2%	9.7%	64.5%	22.6%	3.06	0.68	Tinggi
2	Ibu bapa/ keluarga pernah memberitahu yang saya telah ditahnikkan semasa kecil.		9.7%	58.1%	32.3%	3.23	0.62	Tinggi
3	Ibu bapa/ keluarga telah memberikan nama berserta makna yang elok kepada saya.	9.7%	22.6%	51.6%	16.1%	2.74	0.86	Sederhana
4	Ibu bapa/ keluarga pernah memberitahu yang saya telah diakikahkan semasa kecil.	9.7%	29.0%	54.8%	6.5%	2.58	0.76	Sederhana
5	Ibu bapa / keluarga menyuruh dan memberi tunjuk ajar untuk melakukan solat sejak saya berumur 7 tahun.	3.2%	38.7%	45.2%	12.9%	2.68	0.75	Sederhana
6	Ibu bapa / keluarga memukul saya sekiranya ingkar untuk bersolat ketika saya berumur 10 tahun.	12.9%	48.4%	32.3%	6.5%	2.32	0.8	Sederhana
7	Ibu bapa/ keluarga sering melakukan aktiviti bersama seperti solat berjemaah sejak saya kecil.	9.7%	45.2%	38.7%	6.5%	2.41	0.77	Sederhana
8	Ibu bapa/ keluarga menyuruh saya berpuasa sekadar termampu pada bulan Ramadan bermula sejak kecil.		12.9%	74.2%	12.9%	3.00	0.51	Tinggi
9	Ibu bapa/keluarga menyuruh saya menutup aurat apabila keluar daripada rumah sejak saya kecil.	6.5%	45.2%	38.7%	9.7%	2.51	0.77	Sederhana

10	Ibu bapa/ keluarga sering menggalakkan saya untuk bersedekah apabila melihat orang yang lebih susah.	3.2%	12.9%	64.5%	19.4%	3.00	0.68	Tinggi
						2.62	0.42	Sederhana
JUMLAH								

Jadual 4 : PEMBINAAN AKHLAK ANAK-ANAK

1	Ibu bapa/ keluarga sering mengingatkan saya beradab sopan sejak kecil.		6.5%	58.1%	35.5%	3.30	0.59	Tinggi
2	Ibu bapa/ keluarga sering berbincang secara baik sekiranya timbul masalah dalam keluarga.	3.2%	19.4%	51.6%	25.8%	3.00	0.77	Tinggi
3	Ibu bapa/keluarga akan menegur saya dengan baik sekiranya ada kesilapan dibuat sejak saya kecil.	3.2%	22.6%	54.8%	19.4%	2.90	0.74	Sederhana
4	Ibu bapa/ keluarga telah asingkan tempat tidur dengan adik – beradik lelaki dan perempuan sejak saya berumur 10 tahun.		9.7%	58.1%	32.3%	3.22	0.61	Tinggi
5	Ibu bapa/keluarga saya sering mengajar saya adab meminta izin untuk dapatkan sesuatu.	3.2%	16.1%	48.4%	32.3%	3.10	0.79	Tinggi
6	Ibu bapa / keluarga tidak pernah memukul saya semasa kecil tanpa sebab yang munasabah.	12.9%	29.0%	38.7%	19.4%	2.64	0.95	Sederhana
7	Ibu bapa/keluarga selalu memeluk saya semasa kecil apabila saya melakukan perkara yang baik.	6.5%	25.8%	58.1%	9.7%	2.70	0.74	Sederhana
8	Ibu bapa /keluarga sering memberikan ganjaran apabila saya melakukan perkara yang baik sejak kecil.	6.5%	22.6%	51.6%	19.4%	2.84	0.82	Sederhana
9	Ibu bapa /keluarga menyediakan jadual harian di rumah untuk mendisiplinkan saya sejak kecil.	12.9%	35.5%	45.2%	6.5%	2.45	0.81	Sederhana
10	Ibu bapa/keluarga berlaku adil terhadap saya dan adik-beradik lain sejak kecil.	6.5%	22.6%	45.2%	25.8%	2.90	0.87	Sederhana
11	Ibu bapa/keluarga mengenali kawan rapat saya di sekolah.	12.9%	38.7%	38.7%	9.7%	2.45	0.85	Sederhana
12	Ibu bapa/keluarga memberikan sokongan/nasihat sekiranya saya menghadapi masalah dalam kehidupan.		19.4%	61.3%	19.4%	3.00	0.63	Tinggi
13	Ibu bapa/ keluarga sering membawa saya menemani mereka dalam majlis ilmu agama semasa saya kecil.	12.9%	32.3%	41.9%	12.9%	2.54	0.88	Sederhana
						2.85	0.45	Sederhana
JUMLAH								
JUMLAH KESELURUHAN						2.79	0.34	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2017

Komponen item melalui hasil dapatan mendapati pengaruh didikan keluarga dalam pembinaan akidah anak-anak (responden) yang diperolehi adalah secara **sedehana** (min=2.95). Ini menggambarkan permulaan pendidikan akidah dalam kalangan penagih dadah sejak dari mereka kecil adalah kurang diberi penekanan oleh ibu-bapa mahu pun ahli keluarga yang membesarkan mereka sedangkan ia merupakan teras utama dalam menjalani kehidupan agar tidak tersasar. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988) pendidikan tentang keimanan kepada semua rukun iman dan hakikat tentang syurga, neraka dan sebagainya yang berkaitan perkara ghaib patut dimulai sejak daripada anak-anak bermula usia *tamyiz* lagi agar difahami dan diimani. Hal ini turut dinyatakan oleh Abdul Halim Mohd Hussin & Muhammad Khairi Mahyuddin (2011) menyatakan faktor-faktor kelemahan akidah dalam kalangan penagih dadah adalah disebabkan kejahilan dan kurang pengamalan. Kurangnya amalan menjadikan akidah semakin lemah, rosak, terungklai ikatan iman akhirnya terjatuh dalam lembah kesesatan dengan najis dadah. Hasil kajian mendapati item “Ibu bapa atau keluarga sering ingatkan saya sejak kecil bahawa semua kejadian yang berlaku adalah ketentuan daripada Allah” mencatatkan skor min paling rendah dalam pembinaan akidah iaitu (min= 2.68) seramai 39% (12 orang) yang menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden. Keadaan ini menggambarkan pergantungan responden terhadap ketentuan Allah SWT adalah kurang diberi peringatan oleh ibu bapa untuk sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dan melakukan sesuatu dengan sebaik mungkin agar peroleh penentuan yang baik dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun menurut Kamarul Azmi & Halim Tamuri (2011) dalam menisbahkan segala baik dan buruk adalah berdasarkan tindakan mahu pun ikhtiar manusia itu sendiri. Perlu diingat, segala kebaikan datangnya daripada Allah SWT yang menciptakan dan mengurniakan segala kebaikan adalah hasil amalan kebajikan dan pahala pelaku dalam melaksanakan syariat Allah untuk kerberkatan hidup. Manakala segala perlakuan maksiat atau kejahatan akan mendapat dosa dan bala bencana di dunia serta kehidupan sentiasa dalam kehinaan dan kemurkaan Allah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al- Nisa’ 4: 79 yang bermaksud: “Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan yang engkau dapati maka ia adalah daripada Allah, dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) diri mu sendiri”.

Manakala dalam konteks berkaitan ibadah masih juga menunjukkan hasil dapatan yang diperolehi adalah sederhana (min=2.62). Hasil kajian mendapati item komponen “Ibu bapa atau keluarga memukul saya sekiranya ingkar untuk bersolat ketika saya berumur 10 tahun” mencatatkan skor min paling rendah (min= 2.32) iaitu seramai 61% (19 orang) dalam kalangan responden menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden. Selain itu, item komponen “Ibu bapa atau keluarga sering melakukan aktiviti bersama seperti solat berjemaah sejak saya kecil” mencatatkan skor min yang juga rendah (min= 2.41) iaitu seramai 17 orang responden (55%) menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden. Meskipun begitu item komponen “Ibu bapa atau keluarga menyuruh dan memberi tunjuk ajar untuk melakukan solat sejak saya berumur 7 tahun” juga mencatatkan hampir separuh (41.9%) dalam kalangan responden menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden.

Semua item yang dinyatakan di atas adalah berkaitan suruhan perintah Allah melakukan ibadah solat yang tidak begitu diberi penekanan, tunjuk ajar dan melakukan solat secara berjemaah menyebabkan responden terjebak dengan gejala sosial ini. Dapatan ini turut disokong oleh Abd. Halim (2017) dalam memerangi kegiatan penyalahgunaan dadah memerlukan keterlibatan ibu-bapa secara langsung dalam kegiatan seharian anak-anak termasuklah menggalakkan aktiviti-aktiviti keagamaan untuk membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak yang lebih baik. Menurut al- Qardhawi (1978) perlakuan ibadah yang sempurna memberi kesan serta mencorakkan hidup seseorang dengan merasai sentiasa terikat dengan hukum Allah dan berusaha memperbaiki amalan demi kebaikan diri dan

masyarakat. Keadaan ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah al- ankabut 29:45 yang bermaksud: “Dan dirikanlah sembahyang dengan tekun, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar faedah dan kesannya; ingatlah Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”. Di samping itu, seluruh ahli keluarga yang terdidik dalam suasana Islam lebih mudah untuk menjalankan perintah Allah SWT kerana telah didisiplinkan dan terbiasa sejak daripada kecil. Hal ini turut dinyatakan oleh A’dawiyah Ismail (2011) bahawasanya pembentukan keluarga berkualiti menurut Islam adalah terdiri daripada anggota keluarga yang memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka sentiasa mengawasi perbuatan agar selari dengan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya kerana takutkan seksaan Allah SWT di akhirat kelak.

Dalam Tafsir Pedoman Muttaqin Abdul Hayei Abdul Syukor (2008) menyatakan masalah negara sama dengan masalah keluarga, bahkan lebih besar dan lebih penting. Masalah penagihan dadah di negara kita tidak pernah selesai, justeru penyelesaiannya ialah kembali kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semua ibu bapa, anak-anak, pemimpin-pemimpin dan masyarakat awam perlu disedarkan tentang kepentingan dan kewajipan menunaikan solat lima waktu secara berjemaah. Inilah cara yang Islam tunjukkan sebagai salah satu usaha yang perlu kita lakukan bagi menangani masalah sosial di negara kita.

Bagi komponen item pembinaan akhlak anak-anak mendapati hasil dapatan yang diperolehi adalah juga sederhana (min= 2.79). Namun, hasil kajian mendapati item komponen “Ibu bapa atau keluarga menyediakan jadual harian di rumah untuk mendisiplinkan saya sejak kecil” dan ibu bapa atau keluarga mengenali kawan rapat saya di sekolah mencatatkan skor min paling rendah (min=2.45) atau 52% iaitu seramai 16 orang daripada 31 orang responden menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden. Ini menunjukkan ibu bapa atau ahli keluarga tidak mengenakan disiplin dengan mematuhi jadual semasa di rumah di samping tidak mengendahkan dengan siapa anak-anaknya berkawan sama ada baik atau buruk. Hasil dapatan ini disokong oleh Rozilawati Mohd Nawawi (2004) mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya menunjukkan hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi remaja terjebak dalam penagihan dadah berbanding dengan faktor keluarga dan personaliti. Menurut Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid (2006) ibu bapa mesti bijak memilih kawan sebaya yang terbaik untuk anaknya dengan dipastikan ketaatan terhadap Allah bagi menjamin perilaku menurut kehendak Islam. Manakala komponen item kedua yang mencatatkan skor min terendah (min=2.54) iaitu “Ibu bapa atau keluarga sering membawa saya menemani mereka dalam majlis ilmu agama semasa saya kecil adalah 45.2% iaitu seramai 14 orang telah menyatakan **sangat tidak benar** dan **tidak benar** mengenai diri responden. Ini menggambarkan segelintir daripada responden tidak didedahkan dan dibiasakan dengan pengisian input-input yang baik melibatkan ilmu agama yang merupakan fasa terbaik dalam pembinaan keilmuan pada diri anak tersebut. Terdapat segelintir ibu bapa lebih mementingkan akademik dalam pembinaan ilmu dan merasakan lebih mustahak dalam kehidupan anak berbanding agama. Perkara ini disokong oleh Azril Izham *et.al* (2012) yang menyatakan penekanan ibu bapa kini sering dilakukan ke arah menjadikan anak-anak mereka pandai semata-mata dengan mengabaikan perkembangan dan pendedahan awal terhadap konsep keislaman dalam diri anak-anak.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian dapatan hasil kajian, dapatlah disimpulkan bahawa ibu bapa wajar memberi perhatian kepada tiga perkara utama dalam pendidikan anak-anak iaitu dimulai

dengan pembentukan akidah, mengajari ibadah yang asas dan penekanan akhlak terhadap anak-anak seiring dengan kemajuan akademik anak-anak bagi menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak. Mudah-mudahan berbekalkan keimanan dan ketakwaan yang dididik sekian lama dengan melakukan perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya berupaya menjadi benteng anak-anak ini apabila dewasa dengan menjauhi diri daripada terjebak ke kancah maksiat. Perkara ini sangat mustahak agar pengisian spritual (rohani) ini berkembang seiring dengan keperluan asas fizikal seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan akademik.

Tidak dapat dinafikan, kehidupan manusia pada abad ke-21 sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa seiring dengan teknologi yang sentiasa berkembang dan semakin canggih. Kesan perubahan zaman atau proses modenisasi ini turut merubah dan menambah peranan ibu bapa yang terdiri daripada ibu bapa yang lebih bijak dan proaktif berbanding ibu bapa pada zaman dahulu dalam mendidik anak-anak. Namun perlu diingat, kebijaksanaan ibu bapa masa kini bukan semestinya turut bijak dalam mendidik anak-anak. Sekiranya gagal diterapkan dengan roh Islam yang sempurna berkemungkinan untuk anak-anak terjerumus dalam kancah maksiat dan gejala sosial lebih berpotensi tinggi akibat kekosongan jiwa dan ketandusan pegangan agama dalam kehidupan seharian. Justeru, pengkaji berharap usaha, perhatian dan penerapan *biah* Islamiah oleh ibu-bapa yang bermula di rumah melalui pendedahan awal anak-anak dengan pembudayaan ajaran Islam berakhir dengan impak positif terhadap institusi keluarga.

Semua ini dapat dilihat apabila berlakunya pengurangan statistik kemasukan penagih dadah baharu di pusat-pusat pemulihan dadah termasuklah penagih dadah sedia ada dapat dipulihkan dengan baik. Impak atau pengaruh pendidikan keluarga terutamanya ibu bapa harus diambil penekanan dan dititikberatkan khususnya terhadap pendidikan agama Islam anak-anak seawal usia lagi. Semua institusi yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung sering memberikan kerjasama dan idea untuk membantu AADK mencari resolusi terbaik dalam usaha perangi dadah habis-habisan ke arah negara bebas dadah akan menjadi kenyataan pada satu masa nanti.

Bibliografi

- Al Qur'an Tafsir Pimpinan Ar- Rahman kepada Pengertian al-Qur'an 30 Juzuk. 2013. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Abdul Hayei Shukor .2008. Tafsir Pedoman Muttaqin Juz 2. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Salam Haji Yussof .2003. *Imam al-Ghazali Pendidikan berkesan*. Klang Selangor.
- Abd.Halim Mohd Hussin. 2016. Application on Blue Ocean Strategies in Prevention and Substance Abuse. Kertas Kerja International Drug Prevention and Rehabilitation Conference. (PREVENT 2016) Anjuran ACREDA, USIM. Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur Malaysia, 26-27 Oktober 2016.
- Abd. Halim Mohd Hussin, Muhammad Khairi Mahyuddin (pynt.). 2011. *7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan: Panduan untuk Pembimbing Aplikasi Pendekatan Agama Islam*. Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdul Halim Mohd Hussin, Muhammad Muzaffar Shah Mohd Razali.2010. *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Isu: prinsip-prinsip Pencegahan dalam Penyalahgunaan Dadah Panduan untuk Kaunselor, Guru, Ibu Bapa dan Masyarakat*. Bandar baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu A' isy Abd al Mun'im Ibrahim. 2011. *Pendidikan Islam untuk Anak Perempuan tajuk asal tarbiyah al Banati fi al Islam*. Johor Bahru.

- A'dawiyah Ismail. 2011. *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Jurnal Al- Hikmah. Jilid 3: 121-144. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al - Qardhawi.& Hassan Idris.1978. *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan, Syed Ahmad Semait.1988. *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*.Jil.1.Terj. Singapura: Penerbit Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Azril Izham, Kamarul Jasni jasmi & Muhammad Syukri Amin Harun. 2012. *Mendidik anak di zaman moden* . Prosiding Seminar Pertama Sains,Teknologi dan Manusia.2012.<http://eprints.utm.my/40086/1/Cover%20%26%20Paper.pdf>
<http://eprints.utm.my/40086/1/Cover%20%26%20Paper.pdf> .29 Januari 2016.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon dan Nor Jana Saim. 2014. *Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan*. 67:1 (2014) 17 www.jurnalteknologi.utm.my e ISSN 2289-5434. 28 Oktober 2015.
- Kamarul Azmi Jasni, Siti fauziyani Md. Salleh @ Masrom 2007. *Pendidikan dan Keluarga Cemerlang*. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasni, Ab. Halim Tamuri. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Abdul Kadir Alcaff. 2004. *Kedudukan Wanita dalam Pandangan Khomeini*. Terj. Jakarta:Penerbit Lentera.
- Muhammad Hassan Brigash. 1992. *Adab al atfal tarbiyyah wa masuliyyah*. Mansourah: Dar al-Wafa.
- Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid. 2006. *Didik Anak Cara Rasulullah S.A.W*. Terj. Kuala Lumpur: Penerbit Klang Book Centre.
- _____.2017. *Awasi trend guna golongan muda edar dadah*. Jurnal Wawancara Minggu Ini. Kosmo 29 Januari: 45.
- Rozilawati Mohd Nawi. 2004. Kaitan Hubungan Kekeluargaan dan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pengetahuan Remaja Mengenai Dadah di Kalangan Remaja Luar Bandar: Satu tinjauan di Kampung Kuala Krai. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial dan Manusia. Universiti Utara Malaysia.